

18/05/1998

Latihan Sirih Bertepuk Pinang Menari disambung

LATIHAN drama Sirih Bertepuk Pinang Menari yang dihentikan seketika baru-baru ini diteruskan bermula Selasa ini bagi memantapkan lagi menjelang pementasannya pada 10 Julai.

Pengarahnya Adnan Hamzah berkata, latihan sepanjang Mei hanya empat kali dan latihan intensif bermula awal Jun dengan memasukkan muzik, kerana ia membabitkan nyanyian beberapa lagu asli.

Katanya, memandangkan pementasan ditunda, amat wajar latihan dihentikan bagi memberi peluang pelakon melaksanakan komitmen mereka.

"Sebenarnya sebelum ini kami sudah bersedia, tetapi apabila ia ditunda atas sebab tertentu, ia memberi peluang kami memantapkan persembahan.

Teater itu pada mulanya dicadang dipentaskan pada 27 Mei tetapi ditunda kepada 10 Julai, jam 8 malam di Hotel Istana. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka hadir.

Walaupun pementasan ditunda tetapi mesyuarat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia kali ke-33 tetap diadakan pada 27 Mei. Ia akan dirasmikan Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin.

(END)